



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMANTAUAN KERJA PROJEK LPB SABAH FASA 1A DAN KERJA MITIGASI BANJIR

KOTA KINABALU, SABAH - YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya turun padang memantau kemajuan kerja Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah Fasa 1A di Sipitang, Beaufort, Putatan dan Penampang. Tinjauan ini bertujuan untuk meneliti prestasi pelaksanaan secara dekat serta mendapatkan maklumat lanjut dan input pihak-pihak terlibat berhubung keberkesanan pelan mitigasi yang telah diambil dalam melaksanakan projek.

2. Pakej Kerja yang menjadi pemerhatian YB Menteri adalah WP01: Sindumin – Kampung Melalia (28.5km), WP02: Kampung Melalia – Beaufort (34.7km) dan WP06: Putatan – Inanam (19.6km). Sehingga 30 Jun 2024, kemajuan fizikal WP 01 adalah 64.79%, WP 02 mencapai 50.58% manakala WP 06 kini 87.95%. Skop Projek ini ialah menaik taraf jalan tunggal 2 lorong 2 hala sedia ada kepada jalan berkembar 4 lorong 2 hala dengan piawaian R5/U5.

3. Kemajuan fizikal semasa keseluruhan Fasa 1A (15 Pakej Kerja) ialah 77.41% dengan empat pakej telah disiapkan iaitu WP05: Donggongan ke Papar pada 29 Ogos 2022, WP27: Kg. Lot M ke Mile 32 pada 18 November 2022, WP15: Tawau ke Semporna pada 10 Ogos 2023 dan WP21: Lahad Datu Bypass pada 30 Oktober 2023. 11 pakej masih diperingkat pembinaan dengan jangkaan siap keseluruhan pada Mac 2026.

4. Tinjauan juga turut memfokuskan kesinambungan usaha Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam menguruskan insiden banjir di Sabah khususnya di Penampang yang berdekatan dengan kawasan Projek LPB Sabah baru-baru ini. Salah satu kawasan yang terjejas ialah Kiranau yang berdekatan dengan Pakej Kerja 6 (Putatan - Inanam).

5. Pihak JKR bersama-sama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengambil tindakan segera sekiranya berlaku sebarang insiden banjir di sepanjang kawasan pembinaan Projek LPB Sabah untuk mengurangkan kesan yang lebih buruk kepada masyarakat setempat dan impak kepada projek keseluruhan.

6. Antara punca utama insiden banjir yang telah dikenal pasti termasuklah taburan hujan luar biasa daripada taburan hujan purata yang menyebabkan sungai berhampiran tidak mampu menampung kapasiti air. Selain itu, sistem perparitan di luar *Right of Way* (ROW) Jalan Persekutuan yang kurang sempurna dan merupakan kawasan yang sering berlaku banjir (*flood-prone area*) sebelum kerja-kerja naiktaraf jalan dan pembinaan Projek LPB Sabah bermula lagi.

7. Walau bagaimanapun, JKR Sabah dengan kerjasama pihak konsultan, pihak JPS dan PBT akan terus memantau dari semasa kesemasa serta bersedia mencari solusi penambahbaikan di kawasan yang terkesan dengan banjir bagi mengelakkan kejadian tersebut terus berulang.

8. KKR berharap pasukan Projek LPB Sabah dapat mengekalkan momentum kerja pembinaan dan penyenggaraan dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. Fokus berterusan terhadap jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dalam membina rangkaian jalan raya selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
29 JULAI 2024